



KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
 Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
 Jabatan Perdana Menteri
 Aras 2, Blok B7
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62502 PUTRAJAYA
 MALAYSIA

Telefon : 03 8000 8000
 Fax : 03 8888 3258
 Portal Rasmi : www.cgso.gov.my

KPKK(S)600-2 JLD.2 (9)

31 Januari 2019

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
 Semua Ketua Jabatan Persekutuan
 Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
 Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri
 Semua Pihak Berkuasa Tempatan



YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato' /Tuan/Puan.

**PEMATUHAN BAGI MEMBERI PERLINDUNGAN KE ATAS
 DOKUMEN RAHSIA RASMI KERAJAAN**

Izinkan saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, menjaga kerahsiaan dokumen dan maklumat rahsia rasmi Kerajaan bukan sahaja merupakan tanggungjawab utama Ketua Jabatan bahkan menjadi amanah yang perlu dipikul oleh semua pegawai awam yang terlibat dalam menguruskan dokumen rahsia rasmi Kerajaan. Perkara ini telah dinyatakan di dalam Arahan Keselamatan serta sebagai langkah-langkah pematuhan kepada Akta Rahsia Rasmi 1972.

3. Bagi menyokong peruntukan-peruntukan menjaga kerahsiaan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Arahan Keselamatan, maka beberapa pekeliling telah dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) sebelum ini. Antara pekeliling tersebut seperti berikut:-



*WB (PN)
 Seen dan edarkan
 undh semua
 warga Parlimen.
 t-h.
 [Signature]*

'KERAHSIAAN TERPELIHARA MENJAMIN KESELAMATAN NEGARA'



- 3.1 Surat Edaran bertajuk “Kawalan Keselamatan Rahsia Rasmi dan Dokumen Rasmi Kerajaan” bertarikh 21 Ogos 1999;
- 3.2 Surat Arahan KSN bertajuk “Langkah-Langkah Keselamatan Perlindungan Untuk Larangan Penggunaan Telefon Bimbit Atau Lain-Lain Peralatan Komunikasi ICT Tanpa Kebenaran Atau Kuasa Yang Sah Di Agensi-Agensi Kerajaan” bertarikh 31 Januari 2007;
- 3.3 Surat Edaran bertajuk “Kepentingan Melindungi Maklumat Rahsia dan Terperingkat Kerajaan” bertarikh 16 Ogos 2012; dan
- 3.4 Surat Edaran bertajuk Larangan Penggunaan Telefon Bimbit Atau Lain-Lain Peralatan Komunikasi Dalam Mesyuarat Kerajaan bertarikh 31 Januari 2019.

Surat-surat tersebut di atas juga bertujuan untuk memberi peringatan dan kesedaran kepada semua Ketua Jabatan dan pegawai awam supaya **sentiasa berhati-hati** dalam mengendalikan dokumen rahsia rasmi Kerajaan, agar tidak disalahguna atau didedahkan tanpa kebenaran. Gejala negatif ini boleh menjejaskan imej pentadbiran Kerajaan dan seterusnya mungkin boleh menyebabkan ancaman kepada keselamatan Negara.

4. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan, Program Inspektorat Keselamatan Perlindungan dilaksanakan oleh Pejabat CGSO bagi tujuan pematuhan aspek keselamatan perlindungan seperti yang digariskan di dalam Arahan Keselamatan dan Pekeliling-Pekeliling Berkaitan Keselamatan Dokumen.

Di dalam hal ini, Pejabat CGSO sebagai agensi yang bertanggungjawab kepada pematuhan tersebut telah dan akan sentiasa meneruskan Program Inspektorat Keselamatan Perlindungan bagi memberi khidmat nasihat dan mengadakan pemeriksaan supaya pematuhan kepada Arahan Keselamatan sentiasa dipatuhi.

Pada tahun 2018, sejumlah 1162 pemeriksaan Inspektorat telah dilaksanakan dan ini melibatkan Kementerian, Jabatan dan Agensi-Agensi Kerajaan seluruh Negara.

5. Sehubungan itu, berdasarkan kepentingan dan mustahaknya menjaga kerahsiaan maklumat Kerajaan, saya memohon kerjasama semua Ketua Jabatan termasuk keseluruhan pegawai awam untuk menitik beratkan langkah-langkah keselamatan dokumen yang telah dikeluarkan di dalam Arahan Keselamatan dan Pekeliling-Pekeliling Berkaitan Maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan. Maklumat rahsia rasmi tidak ternilai harganya dan sebarang kesilapan atau kecuaiannya di dalam pengendaliannya sehingga berlaku kebocoran atau ketirisan boleh mengundang persepsi buruk masyarakat kepada sistem pentadbiran Kerajaan.


Adalah menjadi tanggungjawab dan amanah semua pegawai awam untuk sentiasa memelihara dan menjaga kerahsiaan dokumen rasmi Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

'KERAHSIAAN TERPELIHARA MENJAMIN KESELAMATAN NEGARA'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(DCP DATO' SANUSI BIN SIDEK)